



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM**

**TEKS UCAPAN**

**NIK NAZMI NIK AHMAD  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**SESI PERJUMPAAN KHAS Pengerusi BERSAMA MAJLIS  
TINDAKAN PEMBANGUNAN NEGERI KELANTAN**

**9 JANUARI 2025 (KHAMIS)**

**HOTEL PERDANA  
KOTA BHARU, KELANTAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

**1. YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

**2. YBrs. Puan Norsham binti Abdul Latip**

Timbalan Ketua Setiausaha, Sumber Asli (NRES)

**3. YBrs. Tuan Haji Jasri Bin Kasim**

Pengarah Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan

**4. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi**

**5. Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Jabatan**

**6. Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Ilahi, dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama dalam Sesi Perjumpaan Khas bersama Penjawat Awam Persekutuan Negeri Kelantan pada pagi ini. Terima kasih juga kepada pihak ICU Kelantan atas kesudian untuk menjadi penganjur bagi sesi ini.

2. Sesungguhnya sesi perjumpaan sebegini merupakan satu wadah untuk semua warga Penjawat Awam Persekutuan berjumpa, berinteraksi dan saling kenal-mengenal antara satu sama lain di pelbagai peringkat.

3. Harapan saya agar ruang interaksi dua hala sebegini dapat dijadikan platform kepada warga sektor awam persekutuan untuk memberi pandangan, berkongsi pengalaman serta memberikan cadangan konstruktif ke arah menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

### **AMANAT TAHUN BAHARU YAB PERDANA MENTERI**

4. Seperti mana semua sedia maklum, pada minggu lepas YAB Perdana Menteri telah menyampaikan amanat tahun baharu kepada penjawat awam. Dalam ucapan tersebut, YAB PM telah menzahirkan penghargaan kepada penjawat awam atas segala daya usaha dalam menggerakkan jentera pentadbiran negara. YAB PM juga berulang kali menyatakan betapa pentingnya peranan penjawat awam dalam melonjakkan prestasi ekonomi dan kemakmuran negara.
5. Dalam usaha ke arah itu, YAB Perdana Menteri menyarankan agar penjawat awam diberikan ruang untuk menerokai latihan berbentuk Transformasi Digital dan Kecerdasan Buatan (AI) untuk meningkatkan kualiti keupayaan Pegawai Awam setanding dengan negara maju. Perkhidmatan awam diseru untuk terus mendukung hasrat dan aspirasi Kerajaan dalam menjayakan gagasan Malaysia MADANI untuk membina sebuah negara yang lebih sejahtera, berdaya tahan, dan inklusif berdasarkan nilai moral, etika, dan keadilan.

6. Seiring dengan peranan penting yang dimainkan oleh penjawat awam, beberapa siri penambahbaikan di bawah agenda reformasi perkhidmatan awam telah dilaksanakan. Antaranya adalah:
- a. Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Fasa 1 dengan peruntukan lebih RM10 bilion yang mana semua penjawat awam yang bersetuju telah menikmati kenaikan gaji baharu.
  - b. Deklarasi Kuala Lumpur – Tekad Bersama Perkhidmatan Awam pada 24 November 2024 di mana kesemua 13 YB SUK dari seluruh negeri menandatangani dan mengisytiharkan komitmen untuk melaksanakan reformasi perkhidmatan awam di seluruh negara;
  - c. Melaksanakan reformasi kerenah birokrasi (RKB) bagi mempercepat proses kelulusan permohonan yang mengambil tempoh berbulan-bulan kepada hanya beberapa hari;
  - d. Memperkukuh cadangan pelaksanaan Akta ILTIZAM kecekapan pentadbiran awam untuk dibentangkan di Parlimen;
  - e. Pelaksanaan rasionalisasi Badan Berkanun Persekutuan dan CLBG melibatkan 544 entiti; dan terkini
  - f. Pelancaran Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS) bermula 1 Januari 2025.
7. Semoga tahun baharu ini membuka peluang kita melihat hadapan untuk melaksanakan strategi yang akan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan kerja di setiap agensi Kerajaan

sama ada di peringkat persekutuan, negeri dan juga tempatan. Saya menyeru untuk kita sama-sama mengamalkan pemikiran yang terbuka, kreatif serta pragmatik. Saya yakin melalui usaha kerjasama dan visi bersama, kita akan melakar hala tuju yang jelas dan mengambil langkah yang tepat ke arah masa depan yang lebih cerah.

## **RANCANGAN MALAYSIA KE-12 NEGERI KELANTAN**

8. Berakhirnya 2024, negeri Kelantan mencatat perbelanjaan pembangunan di bawah Rolling Plan Keempat (RP4) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), sebanyak RM2.4 bilion berbanding jumlah peruntukan yang diluluskan sebanyak RM2.8 bilion. Alhamdulillah, daripada 454 projek yang telah diluluskan, beberapa projek telah siap pelaksanaan antaranya Pembesaran dan Naiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Fasa 1, Pembinaan Hospital Bachok, Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah dan Kolej Komuniti Jeli yang baharu.
9. Pada tahun lepas juga, beberapa projek berimpak tinggi telah memulakan pelaksanaan termasuk fasiliti-fasiliti sukan bagi penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA 2028), Jambatan Palekbang, Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) - Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kota Bharu, Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok Fasa 3 termasuk Fasa Terakhir Pembesaran dan Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sebagai pelengkap sebuah fasiliti lapangan terbang antarabangsa yang dijangka siap tahun ini.

10. Tidak dilupakan, bagi tujuan menangani isu rakyat menghadapi bencana di negeri ini, Kerajaan Persekutuan pada tahun lepas telah mengambil langkah segera dengan meluluskan peruntukan perolehan pam mudah alih KADA berjumlah RM20 juta bagi tujuan pengairan pertanian susulan kejadian kemarau yang berpanjangan. Selain itu, Kerajaan juga meluluskan RM6 juta bagi pembinaan alur limbah di Sungai Lancang Lemal dalam usaha mengurangkan kesan banjir.

11. Dalam meneruskan kesinambungan pembangunan negeri ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan di bawah Rolling Plan Kelima (RP5) RMK-12 Tahun 2025 sebanyak RM3.2 bilion. Ini merupakan pertambahan sebanyak RM0.4 bilion daripada tahun sebelumnya. Daripada jumlah peruntukan tersebut, 115 projek baru telah diluluskan dengan jumlah kos pembangunan sebanyak RM2.1 bilion. Jumlah tersebut menjadikan kos semasa projek-projek pembangunan di Kelantan sebanyak RM25.7 bilion dengan jumlah 467 projek.

12. Antara projek baharu yang telah diluluskan adalah Fasa 1 Kerja Tanah bagi Pembinaan Hospital Wanita dan Kanak-kanak (Hospital Raja Perempuan Zainab II), Loji Rawatan Air dan Sistem Bekalan Air di Kota Bharu, Machang dan Gua Musang, Jejambat di Bulatan Pasir Pekan Tumpat, Pembinaan Pasar Besar Kuala Krai, Membina Gerai dan Kemudahan Awam di Pantai Cahaya Bulan serta baik pulih sekolah-sekolah daif di negeri ini.

13. Secara keseluruhan, orientasi perancangan pembangunan negara adalah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui projek-projek dan program-program yang dapat merapatkan jurang ketidakseimbangan pembangunan antara penduduk bandar, luar bandar dan wilayah di samping usaha menoktahkan miskin tegar.

14. Untuk rekod, berdasarkan *locked figure* kemiskinan pada tahun lepas, negeri Kelantan telah berjaya mencapai sifar miskin tegar pada Julai dan Disember 2024. Angka insiden kemiskinan yang dinamik memerlukan strategi dan usaha yang berpanjangan oleh semua pihak. InsyaAllah usaha-usaha ini memberikan makna yang besar dalam kehidupan kumpulan sasaran.

## **CABARAN HARI INI**

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Di kesempatan ini juga, saya selaku Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ingin menarik perhatian hadirin sekalian mengenai cabaran pada masa kini iaitu isu perubahan iklim dan juga isu kelestarian alam. Kedua-dua cabaran ini boleh membawa risiko besar kepada manusia, termasuk ancaman terhadap kesihatan, ekonomi, keselamatan makanan, dan kelangsungan hidup manusia secara keseluruhan.

16. Sebagai contoh, 2023 mencatatkan beberapa bulan paling panas dalam sejarah, dengan rekod suhu tertinggi di seluruh dunia.

17. Gelombang haba yang melanda Eropah, Amerika Utara, dan Asia baru-baru ini menyebabkan suhu mencecah lebih 40°C dan paras laut global telah meningkat sebanyak 20 cm sejak 1900 dan terus meningkat sekitar 3.7 mm setiap tahun menyebabkan hakisan pantai, banjir di kawasan pesisir, dan mengancam kehidupan komuniti yang tinggal berhampiran laut.

18. Menjadi persoalan, adakah manusia menjadi punca kepada isu perubahan iklim dan kelestarian alam ini? Laporan oleh The Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) menyatakan bahawa manusia adalah penyebab utama perubahan iklim sejak 1950. Antara kegiatan manusia yang menyebabkan isu ini adalah:

- a. **Penggunaan bahan api fosil** yang melepaskan gas rumah hijau (GHG) menyebabkan penipisan lapisan ozon.
- b. **Aktiviti penebangan hutan** menyebabkan kehilangan habitat hidupan liar serta kawasan semula jadi.
- c. **Aktiviti pertanian dan penternakan** - pembukaan kawasan hutan menyebabkan kepupusan biodiversiti.
- d. **Pelepasan industri perkilangan** menyebabkan pencemaran udara, air dan tanah serta pengeluaran sisa toksik.

## **USAHA NRES**

19. Aktiviti manusia yang tidak lestari memberi risiko besar kepada alam sekitar, termasuk pencemaran, perubahan iklim, dan kehilangan biodiversiti. Ia merupakan satu peringatan serius dan juga titik perubahan bagi memastikan penglibatan semua pihak dalam menjaga, mengurus, dan memelihara sumber-sumber alam



yang amat penting bagi mewujudkan keseimbangan antara pembangunan dan juga kelestarian alam sekitar demi generasi masa hadapan.

20. Antara usaha yang perlu digembleng merangkumi aspek pengurusan alam sekitar, tindakan adaptasi dan mitigasi perubahan iklim, usaha pemuliharaan dan perlindungan hutan dan kepelbagaian biologi serta memperkasa kecekapan tadbir urus sumber semulajadi bagi menjamin kemampanan pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

21. Usaha-usaha negara dalam peralihan daripada tenaga berasaskan fosil kepada tenaga boleh diperbaharui merupakan langkah yang tepat dan perlu disegerakan bagi memastikan keterjaminan bekalan dan juga sebagai langkah mitigasi dan adaptasi isu perubahan iklim. Ia adalah sejajar dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang bermatlamat untuk memastikan bekalan tenaga yang stabil dan berterusan serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi hijau.

22. Dalam usaha untuk menangani impak berkaitan perubahan iklim, pengurusan sumber mineral yang lestari serta mencapai agenda kelestarian negara, beberapa daya usaha telah diambil antaranya melalui pemerkasaan undang-undang dan pengukuhan tadbir urus Kerajaan melalui pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, pengubalan RUU Perubahan Iklim Negara, Pembangunan Dasar Mineral Negara dan Dasar Pasaran Karbon Negara, penubuhan Malaysia Biodiversity Centre dan juga Pusat Bencana Geologi Negara.

23. Kerajaan juga telah menetapkan beberapa sasaran sebagai agenda nasional bagi pemeliharaan alam sekitar iaitu Sasaran Pengurangan Intensiti Gas Rumah Kaca Sifar Bersih Negara Menjelang Tahun 2050 dan juga sasaran Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna Menjelang 2030.

24. NRES turut membangunkan strategi adaptasi yang komprehensif iaitu Pelan Adaptasi Kebangsaan (MyNAP). Selain itu, pihak kementerian juga sedang dalam proses memuktamadkan dokumen pelan tindakan Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon atau Long-Term Low Emissions Development Strategy (LT-LEDS) yang dibangunkan dengan mengambil kira inisiatif perubahan iklim secara holistik, terangkum dan berkesan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

25. Bagi memastikan inisiatif ke arah kelestarian alam sekitar dilaksanakan secara berkesan, saya berpandangan bahawa pendekatan seluruh negara atau whole-of-nation approach perlu dilaksanakan. Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua pihak dan juga pemegang taruh yang terlibat seperti agensi Kerajaan di setiap peringkat, pihak swasta, akademik, pertubuhan NGO, golongan belia serta komuniti di peringkat akar umbi untuk terus memperkukuh dan menjalinkan kolaborasi strategik bagi memastikan agenda kelestarian negara tercapai.

26. Antara peranan yang boleh dimainkan adalah amalan gaya hidup hijau. Secara umumnya gaya hidup hijau ini adalah cara hidup yang mesra alam dan mengurangkan impak kepada persekitaran seperti pencemaran dan pelepasan gas rumah hijau. Antara contoh amalan Gaya Hidup Hijau yang sama-sama kita boleh praktikkan di pejabat atau rumah kita sendiri adalah:

- a. menjimatkan penggunaan tenaga elektrik dan air;
- b. menguruskan sisa buangan secara lestari melalui program 3R (Reuse, Reduce dan Recycle);
- c. mengelakkan penggunaan Plastik Sekali Guna;
- d. hasil sisa makanan harian terkumpul dijadikan baja kompos;
- e. membawa beg yang boleh diguna semula ke pejabat dan pasar raya; dan
- f. membawa bekas dan minuman ke pejabat.

27. Amalan-amalan sebegini, walaupun nampak kecil, secara tidak langsung akan membantu kita dalam mengurangkan kos sara hidup seterusnya memberi penjimatan ke atas bil utiliti bulanan kita. Gaya hidup ini bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada bumi, malah berupaya meningkatkan kesihatan jasmani, kesejahteraan masyarakat dan produktiviti secara umum.

28. Di kesempatan ini juga saya ingin berkongsi pandangan seorang agamawan tersohor. Dalam mencari penyelesaian tuntas bagi mengatasi isu alam sekitar ini, saya telah mengadakan sesi kunjungan hormat ke atas Prof. Dr. Ali Bin Jum'ah, Bekas Mufti Agung Mesir pada bulan Mei tahun lepas.

29. Selain daripada kerjaya beliau dalam bidang perundangan Islam, beliau juga merupakan aktivis sosial yang memperjuangkan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar. Prof. Dr Ali Jumáh juga telah menerbitkan buku bertajuk “Alam Sekitar dan Pemeliharannya Dari Perspektif Islam.

30. Ingin saya kongsi tiga (3) perkara penting yang dinyatakan oleh beliau yang boleh dijadikan pegangan oleh kita semua bagi menjamin kelestarian alam.

a. Pertama adalah sikap wasatiyyah atau kesederhanaan perlu dihayati dan diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat bagi menjaga keharmonian di antara kaum, bangsa dan agama terutama Malaysia yang mempunyai masyarakat yang majmuk. Selain itu, prinsip wasatiyyah ini mampu memainkan peranan penting dalam menjaga dan melestarikan alam sekitar. Prinsip ini menggalakkan tindakan yang adil, seimbang, dan bertanggungjawab terhadap alam, selaras dengan ajaran Islam yang menghargai semua ciptaan Allah.

b. Kedua adalah Amanah Allah. Alam sekitar merupakan amanah yang diberikan oleh Allah. Dalam konteks ini, manusia sebagai ‘khalifah’ ataupun pemimpin diingatkan untuk menjaga alam sekitar dengan penuh kesedaran dan menghormati hak semua makhluk hidup.

c. Dan yang ketiga adalah jauhi sikap ghuluw atau melampau. Sikap melampau ini menjadi punca kepada kerosakan yang berlaku akibat kerakusan menggunakan sumber alam tanpa memikirkan sebab dan akibat.

31. Saya percaya, jika prinsip ini dihayati, InsyaAllah, kita mampu mengubah dunia ini menjadi kediaman yang lebih sejahtera. Marilah kita sama-sama menjaga dan memelihara alam sekitar demi kesejahteraan generasi masa kini dan masa hadapan. Ingatlah, alam ini adalah amanah yang perlu dipelihara.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

32. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan program ini. Saya berharap melalui sesi ini dapat menyemarakkan lagi semangat tuan-tuan dan puan-puan untuk mencurahkan bakti dan memberikan sepenuh komitmen ke arah meningkatkan kecemerlangan bangsa dan negara.

33. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua jabatan dan agensi di atas pencapaian dan jalinan kerjasama yang dibuat pada tahun lepas. Marilah kita sama-sama berdoa agar dalam meneruskan langkah, kita semua diberi kekuatan untuk terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

34. Dengan ini, saya sudahi ucapan saya dengan Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.